

# Sasar sejahtera pelajar IPT serta UCTC

Oleh RAJMAH HASAN  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 30 Nov. - Kementerian Pendidikan menyasarkan sejahtera pelajar daripada universiti awam dan swasta akan menyertai program Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) pada tahun depan.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sehubungan itu UCTC yang kini menjadikan enam universiti sebagai pusat sehenti yang memberi pelbagai perkhidmatan kepada komuniti akan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan di seluruh negara.

"UCTC merupakan program baharu yang diharapkan dapat memberi impak besar kepada pembangunan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan UCTC peringkat Kebangsaan di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Yang hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr. Madinah Mohamad; Ketua Setiausaha II Ke-

menterian Pendidikan, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Ir. Renuganth Varatharajoo.

Buat masa ini, UCTC sudah pun beroperasi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM) selain UPM.

Menurut Idris, UCTC merupakan inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) kelapan telah dirancang rapi oleh kerajaan untuk memastikan pelaksanaannya berjalan lancar dan impaknya memenuhi jangkaan yang diharapkan.

Katanya, antara lima objektif penuhan UCTC ialah melibatkan fakulti dan pelajar dalam aktiviti transformasi di bandar dan luar bandar, membolehkan komuniti tempatan mengikuti kursus jangka pendek serta mengakses dan menggunakan infrastruktur intelektual dan fi-

zikal IPT untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan.

"Dengan cara ini, IPT boleh menggunakan kepakarannya untuk menyelesaikan isu-isu masyarakat setempat, menawarkan peluang melakukan kajian kepada ahli fakulti serta menawarkan aktiviti kurikulum serta pengalaman kerja kepada para pelajar universiti," katanya.

Sehubungan itu, kata Idris, kementerian akan menjadikan program UCTC tersebut sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) kepada semua Naib Canselor universiti pada tahun depan.

Antara 10 kejayaan awal UCTC sejak dilaksanakan 12 bulan lalu ialah sebanyak 800 komuniti mendapat manfaat daripada 44 program pemindahan ilmu fasa I, seramai 11,314 orang telah mengikuti 325 kursus jangka pendek oleh pengajar dalam manakala 7,744 mengikuti 154 kursus jangka pendek oleh pengajar luar serta 793 graduan telah menjadi usahawan.



IDRIS JUSOH